

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)

Hari/Tarikh: 7/9/2013

Muka surat: 6

Tajuk : Pelajar Unimas Bakal Jadi Agen Transformasi Masyarakat.



PERASMIAN ... Prof. Mohd Fadzil Abdul Rahman (kanan) merasmikan pelancaran Program Unimasku Sayang sambil diperhatikan oleh Prof. Madya Dr. Rusli Ahmad (kiri) di Unimas di Kota Samarahan, semalam.

Pelajar Unimas bakal jadi agen transformasi masyarakat

FENNY SILONG

KOTA SAMARAHAN, Jumaat – Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) merancang 100 buah aktiviti menerusi Program Unimasku Sayang yang melibatkan para pelajar.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Professor Mohd Fadzil Abdul Rahman berkata, Program Unimasku Sayang berteraskan konsep Memasyarakatkan Universiti dan Komuniti (UEC) yang menjadikan pelajar sebagai agen transformasi masyarakat.

"Persekitaran kampus akan diwarnai dengan pelbagai aktiviti di bawah program itu nanti. Kita perlu melipatgandakan aktiviti kampus setanding dengan jumlah pelajar yang ada pada masa sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran Program Unimasku Sayang dan Merdeka Raya di Pusat Pemaju Pelajar universiti itu di sini, hari ini.

Fadzil menambah, pihak universiti tidak tertumpu kepada pencapaian individu sahaja malah merangkumi komuniti secara keseluruhannya dalam menghasilkan pelajar yang serba boleh.

"Sering kali kita mendengar majikan merungut kerana pelajar keluaran universiti awam gagal menguasai kebolehan komunikasi berkesan. Banyak pihak tampil menyalahkan universiti kerana gagal mendidik penuntutnya untuk bersaing dengan orang lain."

"Tetapi, ini bukan masa untuk kita menyalahkan satu sama lain. Kita di bahagian pengurusan Unimas sedaya upaya mewujudkan pelbagai aktiviti yang melibatkan pelajar agar mereka mampu menghayati

pengisian sesebuah program," jelasnya.

Beliau turut berharap, para pelajar mengambil peluang tersebut untuk aktif dalam sesebuah aktiviti kerana pembelajaran sebenar adalah di alam pekerjaan.

Terdahulu, Dekan Pusat Pemaju Pelajar, Prof. Madya Dr. Rusli Ahmad berkata, Program Unimasku Sayang merupakan cetusan idea Naib Canselor Unimas, Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suadi dalam usaha memberi pendedahan ke dalam bidang pengkhususan yang di luar pengajian pelajar.

"Bentuk aktiviti yang akan dijalankan adalah berdasarkan perbincangan dan persetujuan semua pihak yang terbabit termasuk agensi kerajaan dan swasta. Kita berharap Unimas akan menjadi rujukan utama kepada pembangunan komuniti setempat dan di seluruh Sarawak," ujarnya.